

57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN
MOHAMAD HANADZLAH
KAWASAN : TAMBUN
TARIKH : 19 MAC 2018
NO. SOALAN : 35

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Bin Mohamad Hanadzlah [Tambun] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah insentif yang disediakan kepada sektor swasta untuk meningkatkan usaha ke arah Industri Berteknologi Tinggi. Berapa peratuskah pengeluaran Industri masih menggunakan sistem manual.

Jawapan

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11), strategi utama yang telah dirangka adalah bertujuan mempercepatkan momentum pertumbuhan ekonomi melalui peluasan aktiviti yang berasaskan pengetahuan secara intensif serta pengeluaran produk yang kompleks. Salah satu kaedah untuk melaksanakan strategi tersebut adalah dengan menekankan kepentingan agar syarikat tempatan berganjak ke arah industri berteknologi tinggi sekurang-kurangnya dengan mengadaptasi proses automasi agar daya produktiviti pengeluaran dapat ditingkatkan.

Beberapa insentif telah diperkenalkan di bawah RMK-11 oleh Kerajaan bagi menggalakkan lebih banyak syarikat-syarikat swasta beralih ke industri berteknologi tinggi, antaranya:

- (i) insentif elaun modal perbelanjaan automasi melalui Bajet 2015 bagi menggalakkan proses automasi sektor perkilangan berdasarkan dua kategori berikut:
 - a) kategori pertama, untuk industri yang mempunyai kebergantungan buruh yang tinggi seperti industri produk getah, plastik, kayu, perabot dan tekstil. Insentif yang ditawarkan adalah elaun modal perbelanjaan automasi sebanyak 200 peratus ke atas RM4 juta perbelanjaan pertama. Insentif ini adalah bagi tempoh 2015 hingga 2017; dan
 - b) kategori kedua, untuk lain-lain industri, di mana insentif yang ditawarkan adalah elaun modal perbelanjaan automasi sebanyak 200 peratus ke atas RM2 juta perbelanjaan modal pertama. Insentif ini adalah bagi tempoh 2015 hingga 2020.
- (ii) pengecualian cukai pendapatan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986 dan Akta Cukai Pendapatan, 1967 ditawarkan kepada aktiviti-aktiviti atau produk-produk yang digalakkan, untuk syarikat-syarikat kecil, syarikat-syarikat berteknologi tinggi, industri-industri terpilih dan projek-projek strategik. Insentif yang diberikan adalah dalam bentuk:

- a) Galakan Taraf Perintis (TP) di mana pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70 peratus hingga 100 peratus daripada pendapatan berkanun diberikan untuk tempoh 5 hingga 10 tahun; atau
 - b) Elaun Cukai Pelaburan (ECP) iaitu 60 hingga 100 peratus daripada jumlah pelaburan modal yang layak dibuat oleh syarikat dalam tempoh 5 hingga 10 tahun. Elaun ini boleh digunakan bagi mengurangkan sebanyak 70 hingga 100 peratus daripada pendapatan berkanun tahunan sehingga keseluruhan elaun tersebut selesai dituntut.
- (iii) Skim Galakan Istimewa atau *prepackaged incentive* yang ditawarkan untuk projek-projek berteknologi tinggi, bernilai tambah tinggi, berdasarkan pengetahuan dan mempunyai nilai rantai yang meluas. Pelabur juga diberikan galakan berdasarkan kepada jenis industri seperti industri strategik, bidang-bidang baharu dan berteknologi tinggi seperti sektor sumber tenaga alternatif, 'advanced electronics', bioteknologi, peralatan perubatan, ICT, aero-angkasa dan petrokimia.
- (iv) Dana Strategik Pelaburan Domestik atau *Domestic Investment Strategic Fund* (DISF), berjumlah RM1 bilion dalam bentuk geran secara setara (1:1) dalam tempoh RMK-11. Dana ini bertujuan untuk mempercepatkan peralihan syarikat – syarikat domestik kepada industri bernilai tambah tinggi, berteknologi tinggi, berasaskan pengetahuan intensif dan berasaskan inovasi.

- (v) Skim Pinjaman Mudah bagi Automasi & Modenisasi (SLSAM) di mana pinjaman diberikan bagi menggalakkan syarikat perkilangan memoden dan mengautomasikan proses pembuatan mereka. SLSAM diberikan dana tambahan sebanyak RM150 juta pada tahun 2017 dengan kadar faedah tetap berdasarkan kategori syarikat yang memohon.
- (vi) *Business Accelerator Programme* (BAP) 2.0, yang merupakan program bantuan bersepadu melalui Geran Padanan atau Pinjaman Mudah untuk meningkatkan keupayaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Seperti yang digariskan dalam pengumuman Bajet 2018 oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Oktober 2017 yang lalu, Kerajaan akan menyediakan geran sepadan sebanyak RM245 juta di bawah DISF bagi menaik taraf kemudahan *Smart Manufacturing* sebagai menyokong aktiviti perniagaan Industri 4.0 yang berteknologi tinggi. Selanjutnya, *Futurise Centre* di Cyberjaya akan diperkukuhkan sebagai pusat sehenti syarikat korporat dan universiti, untuk membangunkan prototaip produk serta melonjakkan daya inovasi tenaga pakar dalam bidang berteknologi tinggi yang berkaitan dengan Industri 4.0.

Tuan Yang Di Pertua,

Menurut tinjauan yang telah dijalankan oleh Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM), kadar penggunaan digital dikalangan PKS adalah rendah iaitu hanya sebanyak 20 peratus, manakala penggunaan automasi dikalangan syarikat-syarikat pembuatan juga agak terhad, iaitu sekitar 50 peratus sahaja.

61

Oleh yang demikian, sejajar dengan arus global Revolusi Perindustrian Keempat, pengaplikasian teknologi terkini berpaksikan Industri 4.0 perlu dilaksanakan segera agar industri tempatan dapat terus kekal berdaya saing di peringkat domestik serta global. Bagi tujuan tersebut, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dengan kerjasama pihak industri dan akademik sedang merangka Dasar Nasional Industri 4.0 yang bakal dilancarkan pada pertengahan tahun 2018.

Adalah diharapkan agar dasar polisi nasional Industri 4.0 tersebut serta insentif-insentif baharu yang akan diperkenalkan akan membawa industri tempatan ke arah satu anjakan signifikan dengan pengaplikasian teknologi terkini dalam sektor pembuatan.

Sekian, terima kasih.